

## Integrasi ilmu naqli, aqli jadi kunci kejayaan USIM

SEREMBAN 26 Nov. - Visi untuk mengintegrasikan ilmu moden dan ilmu agama berpandukan al-Quran dan Sunnah menjadi elemen utama serta pendorong Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam menempa pelbagai kemajuan dan kejayaan sejak penubuhannya.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail (**gambar**) berkata, secara amnya visi itu

bukan sahaja bertujuan melahirkan generasi ummah cemerlang, malah membantu negara dan dunia berpaksikan al-Quran dan Sunnah (naqli) dengan sokongan ilmu moden (aqli).

"USIM merupakan platform bagi kita untuk membantu pelajar aliran agama menjadi pemimpin, saintis, peguam, akauntan, doktor dan tenaga profesional.

**Pesta  
KONVO**  
Utusan Mingguan USIM  
kali ke-11, 2013

mestinya menjadi ustaz dan ustazah," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Jelasnya, ini bermakna modal insan yang dilahirkan USIM berupaya untuk berdiri sama hebat dengan gra-

"Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata, jika kita beri peluang kepada pelajar aliran agama ini, mereka tidak se-

duan institusi pengajian tinggi lain.

"Malah, mereka ini lebih afdal kerana diimbangi dengan pengajaran ilmu al-Quran dan Sunnah.

"Ini generasi yang kita mahukan iaitu mempunyai kedua-duanya ilmu naqli dan aqli, sekali gus boleh bersaing sehingga ke peringkat global," ujarnya.

Asma menambah, keseimbangan dua elemen ilmu itu amat penting bagi membolehkan penuntut ini menimba ilmu moden, pada sama mendapat suntikan roh dan nilai-nilai

murni berlandaskan prinsip Islam.

"Sebagai contoh, universiti tersohor, seperti Harvard. Pelajarnya terlalu mengejar ilmu duniawi tetapi malangnya tiada roh dan nilai murni diberi kepada penuntut mereka. Namun, mereka mula menyedarinya apabila melihat penurunan moral dan etika dalam kalangan pelajar.

"Ini juga terjadi di Singapura, mereka tidak 'kiasu' lagi, sebaliknya sudah berpatah ingin memastikan pendidikan mereka turut disuntik dengan roh serta nilai murni," ujarnya.